A

Muidin bin Maidin lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05–177–07 TAHUN 2013
BALIA YUSOF, MOHTARUDIN BAKI, DAN TENGKU MAIMUN HHMR
15 DISEMBER 2014

C

Keterangan — Keterangan mengikut keadaan — Perlakuan perayu — Sama ada keseluruhan keterangan mengikut keadaan yang ada mencukupi untuk mensabitkan perayu — Sama ada keterangan mengikut keadaan adalah lengkap yang hanya menjurus kepada kebersalahan perayu dan tidak mana-mana orang lain

D

Keterangan — Keterangan documentar — Keterangan DNA — Analisa ke atas 'vaginal swab' dan 'anus swab' — Sama ada analisa adalah berpadanan dengan profil DNA perayu — Sama ada keterangan DNA adalah keterangan langsung yang kukuh — Sama ada membantu keterangan mengikut keadaan bagi kes pendakwaan

E

Prosedur Jenayah — Pembelaan — Alibi — Membuktikan alibi — Sama ada perayu dikehendaki mengemukakan keterangan sokongan lain — Sama ada hakim bicara tersalah arah apabila mengenakan beban ke atas perayu untuk membuktikan pembelaan alibinya — Sama ada hakim bicara telah memberi pertimbangan sewajarnya kepada pembelaan alibi perayu — Kanun Prosedur Jenayah s 402A

F

G

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Bunuh — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tiada saksi — Pihak pendakwaan berlandaskan pada keterangan ikut keadaan sepenuhnya dalam mengendalikan pendakwaan — Sama ada keseluruhan keterangan mengikut keadaan yang ada mencukupi untuk mensabitkan perayu — Sama ada pendakwaan berjaya mewujudkan kes prima facie terhadap perayu — Sama ada pembelaan telah menimbulkan keraguan yang munasabah — Sama ada terdapat sebarang lompang di dalam kes pendakwaan — Sama ada sabitan selamat

H

I

Perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan membunuh Nurul Nadirah (si mati), berumur 4 tahun 9 bulan, satu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Pada hari kejadian, SP5, ibu kepada si mati, mendapati si mati hilang dan tidak pulang ke rumah selepas keluar berseorangan membeli mi

segera dan telur. SP6 dan SP7 yang mengenali si mati dan keluarga mengesahkan si mati telah datang berseorangan ke kedai runcit mereka untuk membeli dua bungkus Mee Sedap dan telur dan bahawa si mati berada di kedai runcit tidak sampai sepuluh minit. Si mati juga dilihat oleh SP8 di bawah Blok A sedang membawa satu beg plastik berwarna merah jambu. SP14, rakan serumah perayu, melihat perayu datang dari arah kebun kelapa sawit dalam keadaan tergesa-gesa. SP8 bersama sekumpulan penduduk Flat menjumpai mayat kanak-kanak di dalam satu lubang di dalam sebuah rumah terbengkalai. SP20, seorang penghuni flat, telah menjumpai bungkusan Mee Sedap, telur dan juga selipar di kawasan kebun kelapa sawit. SP17, ahli kimia, di dalam laporan kimia (eksh P65) merumuskan bahawa sampel tanah yang diambil daripada motorsikal perayu adalah berpadanan dari segi *soil density gradient* dan warna dengan sampel-sampel tanah yang diambil di kawasan rumah terbengkalai. SP18, ahli kimia, juga mengesahkan bahawa profil DNA perayu wujud pada *vaginal* swab dan *anus* swab si mati. Pada leher si mati juga ditemui cebisan kain pelikat terbakar, yang dicamkan oleh SP14 sebagai seakan-akan sama dengan kain pelikat perayu. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati bahawa satu kes prima facie telah terbukti terhadap perayu dan memanggil perayu membela diri. Hakim bicara memutuskan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Justeru, hakim bicara telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu merayu ke Mahkamah Rayuan. Alasan-alasan rayuan antara lain adalah berkaitan dengan isu sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu dan isu sama ada pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman:

(1) Keterangan SP14 yang antara lainnya menyatakan perayu dilihat berjalan tergesa-gesa dari ladang kelapa sawit pada hari si mati hilang dan cebisan kain pada leher si mati seakan-akan sama dengan kain pelikat perayu, bukanlah satu-satunya keterangan yang disandarkan oleh hakim bicara di dalam memutuskan terdapatnya kes prima facie terhadap perayu. Hakim bicara telah menilai keseluruhan keterangan saksi-saksi awam, saksi-saksi pakar dan keterangan saintifik dalam memutuskan perayu dipanggil membela diri (lihat perenggan 30).

(2) Keterangan DNA yang dikemukakan oleh SP18 adalah tidak tergugat. SP18 telah menunjukkan bahawa analisa ke atas 'vaginal swab' dan 'anus swab' adalah berpadanan dengan profil DNA perayu seorang sahaja dan tiada penemuan DNA orang lain selain daripada DNA perayu. Hakim bicara adalah tepat di dalam memutuskan bahawa keterangan DNA ini adalah keterangan langsung yang kukuh yang membantu keterangan mengikut keadaan bagi kes pendakwaan (lihat perenggan 35).

(3) Hakim bicara tidak khilaf apabila mengambil kira keterangan ketumpatan tanah sebagai salah satu keterangan ikut keadaan yang membantu kes pendakwaan. Di dalam kes-kes yang melibatkan keterangan ikut keadaan, yang penting adalah untuk melihat kepada kesemua keterangan dan tidak hanya kepada satu-satu keterangan secara individu. Seterusnya tidak ada sebab bagi mahkamah untuk mengganggu dapatan hakim bicara yang menerima keterangan SP14 dan SP35 tentang cebisan kain itu (lihat perenggan 39 & 42).

(4) Hakim bicara telah memberi pertimbangan sewajarnya kepada pembelaan alibi perayu. Hakim bicara tidak khilaf di dalam menilai pembelaan alibi dan mahkamah juga mendapati bahawa pembelaan alibi perayu tidak berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Di dalam rayuan ini, tidak terdapat sebarang lompang di dalam kes pendakwaan dan keterangan mengikut keadaan adalah lengkap yang hanya menjurus kepada kebersalahan perayu dan tidak mana-mana orang lain (lihat perenggan 49–50 & 53).

[English summary

The accused was charged for murdering one Nurul Nadirah ('the deceased'), aged four years nine months, an offence under s 302 of the Penal Code. On the day of the incident, SP5, the deceased's mother discovered that the deceased was missing and had not returned home after going out alone to buy instant noodles and eggs. SP6 and SP7 who knew the deceased and her family confirmed that the deceased had came alone to their sundry shop to buy two packets of Mee Sedap and eggs and that the deceased was at the shop for not more than ten minutes. The deceased was also seen by SP8 at Block A, carrying a red-colored plastic bag. SP14, the appellant's housemate, saw the appellant coming from the palm farm hastily. SP8 and a group of the flat occupants found the body of a child in a hole in an abandoned house. SP20, an occupant of the flat had found a packet of Mee Sedap, eggs and slippers at the palm farm. SP17, a chemist, in his chemist report ('exh P65') concluded that the sample of the soil taken from the appellant's motorcycle matched in terms of soil density gradient and color with the samples of soil taken from the abandoned house. SP18, a chemist, also confirmed that the appellant's DNA profile was present on the vaginal and anal swab of the deceased. On the deceased's neck, a piece of burned cloth was found, which was confirmed by SP14 as almost the same as that of belonging to the appellant. At the end of the prosecution's case, the trial judge found that a prima facie case was proved against the appellant and the appellant was called to enter defence. The trial judge held that the appellant had failed to raise a reasonable doubt on the prosecution's case. Hence, the trial judge convicted the appellant and sentenced him to death. Dissatisfied with the said decision, the appellant appealed to the Court of Appeal. The grounds of appeal, inter alia, was regarding the issue of whether the prosecution had proved a prima facie case against the appellant and the issue of whether the

defence had raised a reasonable doubt on the prosecution's case.

Held, dismissing the appellant's appeal and affirming conviction and sentence:

(1) SP14's evidence, which among others, stating that the appellant was seen walking hastily from the palm farm on the day the deceased was missing and the piece of cloth on the deceased's neck looking like the one belonging, were not the only evidence relied upon by the trial judge in holding that there was a prima facie case against the appellant. The trial judge had evaluated the evidence of the general witnesses, expert witnesses and scientific evidence in holding that the appellant should be called to enter his defence (see para 30).

(2) DNA evidence adduced by SP18 remained undisturbed. SP18 had shown that the analysis on the vaginal and anus swabs matched only the appellant's DNA profile and there was no finding of DNA profiles of other people aside from the appellant's DNA. The trial judge was correct in deciding that the DNA evidence was solid direct evidence in support of the circumstantial evidence brought forth by the prosecution (see para 35).

(3) The trial judge did not err in taking into account the evidence of the density of soil as one of the circumstantial evidence to aid the prosecution's case. In cases involving circumstantial evidence, what was important was to look at all the evidence and not only on the only evidence individually. In addition to that, there was no reason for the court to disturb the trial judge who accepted SP14 and SP35' evidence on the piece of cloth (see paras 39 & 42).

(4) The trial judge had given due consideration to the appellant's defence of alibi. The trial judge did not err in evaluating the defence of alibi and the court found that the appellant's defence of alibi did not succeed in casting a reasonable doubt on the prosecution's case. In this appeal, there was no gap in the prosecution's case and the circumstantial evidence was complete and only gravitated towards the guilty of the appellant and not anyone else (see paras 49–50 & 53).]]]

Nota-nota

Untuk kes mengenai perlakuan perayu, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1068.

Untuk kes-kes mengenai keterangan DNA, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1565–1568.

Untuk kes-kes mengenai alibi, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 1944–1976.

Untuk kes-kes mengenai Kanun Keseksaan s 302, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 1899–2031.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (diikut)
Chan Chwen Kong v PP [1962] MLJ 307, MR (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Lee Kwai Heong & Anor v PP [2006] 2 MLJ 528; [2006] 1 CLJ 1043, MR (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
Yau Heng Fang v PP [1985] 2 MLJ 335, MA (dirujuk)
Illian & Anor v PP [1988] 1 MLJ 421, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 8
Kanun Keseksaan s 300
Kanun Prosedur Jenayah s 402A

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-15 tahun 2012 (Mahkamah Tinggi, Johor Bahru)

Mohd Daud bin Ismail (Goh Sze Han bersamanya) (Daud & Co) bagi pihak perayu.
Idham bin Abd Ghani (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan berikut di Mahkamah Tinggi Johor Bahru:

> Bahawa kamu pada 1 Mac 2012 jam lebih kurang pukul 11.30 pagi sehingga 2 Mac 2012 jam lebih kurang 12.00 pagi, bertempat di Ladang Kelapa Sawit, Jalan Suria 47, Bandar Seri Alam, Masai, di dalam Daerah Seri Alam, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, didapati telah membunuh NURUL NADIRAH (No. Mykid: 070510-01-1476), dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seskyen 302 Kanun Keseksaan.

KES PENDAKWAAN

[2] Pada 1 Mac 2012 jam lebih kurang 11.30 pagi, ibu kepada si mati ('SP5') mendapati si mati hilang dan tidak pulang ke rumah selepas keluar berseorangan membeli mi segera dan telur di Blok B Flat Seri Delima, Jalan Suria 47, Seri Alam, Johor. Si mati berumur empat tahun sembilan bulan.

[3] Kali terakhir si mati dilihat oleh Paksa @ bt Kalam ('SP6') dan Razali bin Hussain ('SP7') ialah pada kira-kira jam 11 lebih pagi. Kedua-dua SP6 dan

SP7, yang memang mengenali si mati dan keluarga mengesahkan si mati telah datang berseorangan ke kedai runcit mereka untuk membeli dua bungkus Mee Sedap dan telur dan bahawa si mati berada di kedai runcit tidak sampai sepuluh minit.

[4] Si mati juga dilihat oleh Merlinda ('SP8') pada jam lebih kurang 11.20 pagi di bawah Blok A sedang membawa satu beg plastik berwarna merah jambu. SP8 melihat si mati menaiki tangga ketiga manakala SP8 menaiki tangga pertama. Tidak ada orang lain yang kelihatan pada masa itu.

[5] Lanjutan daripada kehilangan si mati, satu laporan polis telah dibuat oleh nenek si mati (SP4).

[6] Pada 1 Mac 2012 kira-kira jam 1.00 tengah hari, rakan serumah perayu, Razmin bin Mosum ('SP14') telah bangun dari tidur dan turun ke bawah flat Blok A untuk membuka suis air (sambungan paip haram). Pada masa itu SP14 melihat perayu datang dari arah kebun kelapa sawit dalam keadaan tergesa-gesa. Perayu ada menyapa SP14. Perayu kemudiannya dilihat menuju ke arah tangga ke rumah di mana SP14 dan perayu tinggal.

[7] Pada 8 Mac 2012 kira-kira jam 9.00 pagi satu mayat kanak-kanak telah dijumpai oleh datuk si mati (SP8) bersama sekumpulan penduduk Flat Seri Delima. Ketika mayat ditemui di dalam satu lubang di dalam sebuah rumah terbengkalai, identiti mayat tidak dikenali kerana ia telah rentung.

[8] Pakar Forensik Odontologist (SP24) yang membuat pemeriksaan ke atas mayat menganggarkan umur purata mayat adalah 4.67 tahun, konsisten dengan umur si mati.

[9] Pakar Perubatan Forensik ('SP15') yang menjalankan post mortem telah mengambil swab dari *anus* dan *vagina* si mati.

[10] Ahli Kimia ('SP18') membandingkan spesimen tulang yang diambil daripada mayat (eksh P39B(2)) dengan specimen darah SP5 (eksh P39A(2)) dan hasil perbandingan itu mengesahkan bahawa kebarangkalian SP5 adalah ibu si mati adalah 99.9998% berdasarkan data penduduk Melayu di Malaysia. SP18 juga mengesahkan bahawa profil DNA perayu wujud pada *vaginal swab* dan *anus swab* si mati.

[11] Pegawai forensik daripada Makmal Forensik, PDRM, Cheras ('SP28') telah mengambil sampel-sampel tanah di kawasan rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai manakala pegawai penyiasat ('SP35') telah menghantar

motorsikal perayu JKK 3269 untuk dianalisa. Ahli Kimia ('SP17') merumuskan di dalam laporan kimia (eksh P65) bahawa sampel tanah yang diambil daripada motorsikal perayu adalah berpadanan dari segi *soil density gradient* dan warna dengan sampel-sampel tanah yang diambil di kawasan rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai.

[12] Pada leher si mati juga ditemui cebisan kain pelikat terbakar, yang dicamkan oleh SP14 sebagai seakan-akan sama dengan kain pelikat perayu. Mengikut SP14, perayu hanya mempunyai sehelai kain pelikat yang digunakan untuk mandi dan tidur. SP35 mengesahkan bahawa tiada kain pelikat lain ditemui berada di dalam bilik perayu.

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI

[13] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah membuat dapatan berikut (rekod rayuan Jld 1: ms 13):

> Berdasarkan keterangan-keterangan saksi pakar tentang DNA simati, adalah memadai dan tiada keraguan bahawa mayat yang ditemui pada 8 Mac 2012 di kawasan perumahan terbengkalai di Taman Nusa Damai adalah mayat Nurul Nadirah @ Dirang, simati. Elemen pertama ini telah berjaya dibuktikan dengan sepenuhnya.
>
> Terhadap pembuktian elemen kedua pula, keterangan Dr. Mohamad Asnool Haidy (SP15) jelas menunjukkan bahawa bedah siasat yang dijalankan ke atas jasad simati di Jabatan Forensik, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, menunjukkan terdapat kesan lebam pada rahang dan hidung simati. Terdapat juga kecederaan pada muka dan leher simati, iaitu kecederaan yang konsisten dengan tekanan tangan yang sangat kuat. Terdapat juga 'neck compression' seperti yang dinyatakan oleh SP15 sebagai sama dengan strangulation. Namun tiada terdapat kesan jelaga didalam 'laryux simati'. Ini menunjukkan bahawa simati telah mati sebelum dibakar. Punca kematian seperti dinyatakan melalui eksibit P42, dinyatakan 'smothering and neck compression' yang mana ia jelas disebabkan oleh suatu perbuatan manusia. Lantas elemen kedua berjaya dibuktikan dengan jayanya oleh pihak pendakwaan.

[14] Mengenai elemen ketiga iaitu sama ada kematian si mati adalah disebabkan oleh perbuatan OKT yang terjumlah sama ada di bawah salah satu *limb* 1 atau *limb* 3 kepada s 300 Kanun Keseksaan, hakim bicara telah menyatakan di ms 14, rekod rayuan Jld 1:

> Didalam kes ini, tiada terdapat keterangan secara langsung mengenai pembunuhan simati. Tiada saksi mata yang menyaksikan pembunuhan. Walau bagaimanapun, melalui penemuan pelbagai barang kes serta keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang kukuh dan terutamanya keterangan pakar/saintifik, ia dapat membantu Mahkamah didalam penemuan elemen-elemen kesalahan ....

[15] Hakim bicara kemudiannya menimbang keterangan SP6, SP7 dan SP8 yang kali terakhir melihat si mati jam antara 11.00–11.30 pagi pada 1 Mac 2012 dan keterangan SP14 yang menunjukkan perayu datang dari arah kebun kelapa sawit dalam keadaan tergesa-gesa dan keterangan seorang penghuni Flat Seri Delima (SP20) yang menjumpai bungkusan Mee Sedap, telur dan juga selipar di kawasan kebun kelapa sawit, dan membuat rumusan bahawa perayu telah membawa si mati ke kawasan kebun kelapa sawit bertujuan untuk membunuhnya.

[16] Berikut dapatan hakim bicara mengenai kes prima facie terhadap perayu (rekod rayuan Jld 1: ms 18):

> Secara ringkasnya asas keterangan yang mewujudkan suatu kes yang prima facie terhadap OKT adalah seperti berikut:
>
> (i) Terdapatnya penemuan profil DNA OKT yang terdapat pada 'anus' dan juga 'vagina' simati.
>
> (ii) Terdapatnya persamaan tanah yang dijumpai pada motorsikal OKT dengan tanah yang diperolehi di tempat mayat simati ditemui terbakar.
>
> (iii) Terdapatnya cebisan kain pelikat terbakar yang dijumpai pada jasad simati yang disahkan adalah kain pelikat milik OKT ...
>
> (iv) 'Conduct'/perlakuan OKT yang telah menunjukkan tempat-tempat kejadian sebagai tempat-tempat yang relevan bagi menunjukkan pengetahuan OKT tentang episode pembunuhan tersebut.

[17] Perayu dipanggil membela diri oleh hakim bicara. Perayu telah memberikan pernyataan dari kandang tertuduh (eksh D132) dan telah mengemukakan notis alibi. Keterangan perayu telah dirumuskan oleh hakim bicara seperti berikut (rekod rayuan Jld 1: ms 29):

> Melalui keterangan yang disampaikan oleh OKT, dapatlah disimpulkan bahawa OKT menafikan dia yang telah membunuh simati, dan menyatakan yang dia tiada ada apa-apa dendam terhadap mana-mana ahli keluarga simati ataupun dengan simati sendiri. OKT menyatakan yang dia telah dianiaya. Di sepanjang reman, darahnya telah diambil 2 kali tanpa penerangan tujuan pengambilan diberikan kepadanya ....

[18] Mengenai notis alibi, hakim bicara menyatakan:

> Jika diperhalusi bentuk pembelaan OKT ini, pembelaan beliau berkisar kepada kronologi masa khususnya mulai jam 11.00 pagi hingga sebelum beliau ditangkap iaitu tempoh masa di mana pertuduhan membunuh simati dikenakan ke atas OKT. OKT menafikan berada di kawasan Flat Seri Delima. Seterusnya beliau nafikan ada terlibat dengan kehilangan 'simati' yang dilihat kali terakhir pada jam 11.20 pagi di bawah Flat Seri Delima oleh SP8. Pembelaan dengan cara penafian oleh OKT ini cuba diperkukuhkan melalui keterangan SD2 iaitu saksinya sendiri untuk mengesahkan akan aktiviti OKT pada 1 Mac 2013.

[19] Di ms 31: rekod rayuan Jld 1, hakim bicara menyatakan: **A**

> Di dalam kes ini, 2 saksi Alibi yang dikemukakan, iaitu SD1, Abdul Muhammad dan SD2, Lans Koperal Wan Arif Wan Abdullah. Melalui kedua-dua saksi ini, keterangan yang cuba diutarakan melalui mereka ialah tarikh OKT ini telah berjumpa dengan kedua-dua mereka (waktu berlainan) iaitu pada 1 Mac 2012. Namun setelah meneliti keterangan mereka, didapati tarikh yang diberikan oleh mereka tentang perjumpaan itu, ialah pada 29.2.2012 dan bukannya pada hari kejadian 1 Mac 2012. **B**

[20] Hakim bicara memutuskan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Justeru, hakim bicara telah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati ke atas perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu merayu ke Mahkamah Rayuan. **C**

DI MAHKAMAH RAYUAN **D**

[21] Di hadapan kami, peguambela bijaksana mengemukakan alasan-alasan rayuan yang berikut:

(a) hakim bicara bersandarkan kepada keterangan yang tidak konklusif; **E**

(b) kegagalan hakim bicara menimbangkan perlakuan perayu;

(c) kegagalan hakim bicara menilai keterangan pakar mengenai ketumpatan tanah secara keseluruhan;

(d) hakim bicara membuat keputusan berlandaskan fakta yang tidak wujud sepanjang perbicaraan kes; **F**

(e) hakim bicara khilaf apabila memanggil perayu membela diri berasaskan *mixed* profil DNA sahaja; dan

(f) hakim bicara gagal membuat penilaian secukupnya ke atas pembelaan alibi perayu; **G**

[22] Kesemua alasan kecuali alasan (vi), adalah berkaitan dengan isu sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie manakala alasan (vi) adalah berkaitan dengan isu sama ada pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. **H**

SAMA ADA TERDAPAT KES PRIMA FACIE TERHADAP PERAYU

[23] Di dalam mencabar keputusan hakim bicara yang mendapati bahawa pendakwaan telah mewujudkan suatu kes prima facie terhadap perayu, peguambela bijaksana berhujah bahawa: **I**

(a) adalah tidak selamat untuk mengekalkan sabitan dan hukuman ke atas perayu bersandarkan keterangan SP14;

(b) SP14 dan SP34 adalah orang terakhir yang menunggang motorsikal perayu;

(c) cebisan kain pelikat tidak selamat untuk dikaitkan dengan perayu;

(d) kelakuan perayu yang dikatakan menunjukkan tempat kejadian tidak ditimbang melalui pendekatan undang-undang yang betul; dan

(e) hakim bicara gagal mengambil kira kewujudan profile DNA perayu di dalam *vagina* dan *anus* si mati adalah meragukan.

[24] Sebelum kami membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu, kami mengambil ingatan pernyataan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 mengenai ujian kes prima facie:

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

KETERANGAN SP14

[25] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa adalah tidak selamat untuk bergantung kepada keterangan SP14. SP14, hujah peguambela bijaksana adalah saksi yang berkepentingan kerana turut ditangkap dalam kes kehilangan dan kematian si mati; pada 1 Mac 2012, SP14 menggunakan motorsikal perayu; SP14 pernah bergaduh dengan nenek si mati dan SP14 berada di bawah pengaruh dadah ketika ditangkap oleh polis. Dihujahkan juga oleh peguambela bijaksana bahawa terdapat percanggahan di antara keterangan SP14 dan SP34 tentang keberadaan SP14 di rumah pada tarikh 1 Mac 2012.

[26] Hanya kerana SP14 telah mengambil dadah dan pada mulanya merupakan seorang suspek, pada pendapat kami bukanlah faktor yang menjejaskan kredibiliti SP14 sebagai seorang saksi. Kami mendapati bahawa hakim bicara telah menilai dan menerima keterangan SP14. Tidak ada alasan untuk kami campur tangan dalam soal penilaian keterangan oleh saksi-saksi yang berada di dalam bidangkuasa hakim bicara melainkan hakim bicara itu ternyata khilaf. Kami tidak mendapati adanya sebarang kekhilafan oleh hakim bicara dalam menilai keterangan SP14 (lihat *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; *Lee Kwai Heong & Anor v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 528; [2006] 1 CLJ 1043; *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15).

[27] Berkenaan keterangan SP14 dan SP34 yang dikatakan bercanggah, peguambela bijaksana merujuk kepada keterangan SP14 yang menyatakan (rekod rayuan Jld 1: ms 75):

> Dalam jam 12.00 tengahari saya tidak tahu apa yang terjadi. Saya ada turun ke bawah rumah pada jam 1 tengahari. Saya turun ke bawah flat untuk buka suis air. Pada masa itu, saya lihat kanak-kanak bermain.
>
> Pada masa itu saya lihat Mus (*perayu*). Mus saya lihat dia sedang berjalan dari arah kelapa sawit tuju ke flat, tempat tinggal saya. Mus berjalan tergesa-gesa. Dia ada menyapa saya di bawah. ....

[28] Manakala keterangan SP34 pula seperti berikut (rekod rayuan Jld 2: ms 290–291):

> Pada 1 Mac 2012 antara jam 12.00-1.00 tengahari, saya tidak tahu samada Kelili (*SP14*) keluar rumah. Pada 1 Mac 2012, saya dan Kelili tidak sentiasa berada dirumah. Pada waktu pagi, Kelili ada di rumah. Tengahari juga Kelili ada di rumah. Kelili cuma keluar rumah pada 1 Mac 2012 jam 6.00 lebih petang jual besi. Pagi dia ada di rumah.
>
> Pada 1 Mac 2012, saya setuju yang saya tidak ada lihat Mus (*perayu*) ada balik ke rumah. Pada 1 Mac 2012 saya hanya lihat Mus ada di rumah pada jam 5.00 petang. Saya beli makanan pada jam 11.40. Balik ke rumah pada jam 12.00 lebih. Selesai makan, lebih kurang jam [bd] jam. Selepas makan, saya tidur. Saya tidur dalam jam 2.00 petang. Saya makan di ruang tamu. Dari jam 12.00-2.00 petang, saya tidak ada lihat Mus balik ke rumah dalam tempoh itu.

[29] Pada pendapat kami tidak terdapat percanggahan material di dalam keterangan di antara SP14 dan SP34 berkenaan keberadaan SP14 di rumah. SP14 mengatakan dia turun ke bawah untuk membuka suis air pada jam 1.00 tengahari. SP34 pula tidak mengetahui sama ada SP14 ada keluar rumah antara jam 12.00–1.00 tengahari. Tindakan SP14 yang hanya turun ke bawah untuk membuka suis air tidak boleh dikatakan tidak berada di rumah pada waktu pagi dan tengahari pada hari 1 Mac 2012 tersebut.

[30] Seterusnya, kami mendapati bahawa keterangan SP14 yang antara lainnya menyatakan perayu dilihat berjalan tergesa-gesa dari ladang kelapa sawit pada hah si mati hilang dan cebisan kain pada leher si mati seakan-akan sama dengan kain pelikat perayu, bukanlah satu-satunya keterangan yang disandarkan oleh hakim bicara di dalam memutuskan terdapatnya kes prima facie terhadap perayu. Hakim bicara telah menilai keseluruhan keterangan saksi-saksi awam, saksi-saksi pakar dan keterangan saintifik dalam memutuskan perayu dipanggil membela diri.

KETERANGAN DNA

[31] Pakar perubatan forensik (SP15) yang menjalankan post-mortem ke atas mayat si mati telah mengambil 'vagina swab' dan 'anus swab'. SP15 menyatakan bahawa walaupun bahagian sekeliling hangus, bahagian dalam masih dalam keadaan baik. 'Vagina swab' dan 'anus swab' ini kemudiannya dianalisa oleh ahli kimia (SP18) yang mendapati terdapat DNA perayu di dalamnya.

[32] Hujahan peguambela bijaksana ialah hakim bicara khilaf kerana gagal mengambil kira keterangan ahli kimia, Dr Seah Lay Hong ('SD3') yang menyatakan bahawa tiada profil DNA perayu yang penuh ditemui di dalam dubur dan kemaluan mangsa.

[33] Hujahan peguambela perayu pada pendapat kami tidak bermerit. Kami mendapati bahawa keterangan SD3 tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. SD3 bersetuju bahawa SP18 adalah ahli kimia yang kompeten dan laporan SP18 di eksh P69 adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kimia Malaysia.

[34] Keterangan SP18 tentang 'vaginal swab' dan 'anus swab' (rekod rayuan Jld 1: ms 157) ialah:

> ... Hasil analisa exhibit P32A(1) oleh saya ini, profile DNA yang diperolehi terdiri dari DNA spesimen dari 1 orang penyumbang DNA perempuan yang dominan yang sepadan dengan profile DNA spesimen tulang B berlabel Unknown dan 1 penyumbang DNA lelaki Minor. Penderma spesimen darah A(1) berlabel Muidin Maidin tidak boleh dikecualikan daripada menjadi penyumbang daripada campuran ini. Ini bermakna DNA yang diperolehi dari vagina dan 2 profile maksud Minor, profile yang kelihatan agak rendah. Profile perempuan itu melebihi dari profile minor. Maksud penderma darah tidak boleh dikecualikan ialah profile penderma darah A1 wujud pada DNA campuran ini dan ini disebabkan beliau tidak boleh dikecualikan daripada menjadi sebahagian penyumbang campuran ini. Tidak terdapat profile DNA yang lain selain dari penyumbang dari Muidin ini.
>
> ...
>
> (Eksibit P33A(1) atau E4(1) dirujuk. Putik kapas E4(1) adalah anus swab fall spermatozoa. Hasil analisa saya ke atas eksibit ini profile DNA yang diperolehi daripada putik kapas E4(1) terdiri daripada DNA campuran daripada 1 orang penyumbang DNA perempuan yang major yang sepadan dengan DNA spesimen tulang B berlabel unknown dan 1 orang penyumbang lelaki minor yang konsisten dengan penderma spesimen darah A(1) berlabel Muidin Maidin.

[35] SD3 tidak menyangkal dapatan dan keterangan SP18. Malahan SD3 di dalam keterangannya (rekod rayuan Jld 2: ms 348) menyatakan bahawa: 'In term of chances its 700 billion that Muidin is a contributor'. Dan di ms 349: 'It

looks as if the founding (sic) made by Cik Aedrieanie is not conclusive but that how the DNA analysis is all about. She can only conclude it that way'. Dalam keadaan itu, kami mendapati bahawa keterangan DNA yang dikemukakan oleh SP18 adalah tidak tergugat. SP18 telah menunjukkan bahawa analisa ke atas 'vaginal swab' dan 'anus swab' adalah berpadanan dengan profil DNA perayu seorang sahaja dan tiada penemuan DNA orang lain selain daripada DNA perayu. Kami mendapati bahawa hakim bicara adalah tepat di dalam memutuskan bahawa keterangan DNA ini adalah keterangan langsung yang kukuh yang membantu keterangan mengikut keadaan bagi kes pendakwaan.

TANAH PADA MOTORSIKAL PERAYU YANG BERPADANAN DENGAN SAMPEL TANAH DI KAWASAN RUMAH TERBENGKALAI

[36] Sampel tanah di mana mayat dijumpai telah diambil oleh SP28 dan dianalisa oleh SP17 bersama-sama motorsikal perayu. Dapatan hakim bicara mengenai persamaan tanah pada motorsikal perayu dengan tanah yang diperolehi di tempat mayat si mati dijumpai adalah seperti berikut (ms 20–21: rekod rayuan Jld 1):

> SP17 telah merumuskan bahawa sampel tanah yang diambil daripada motosikal OKT (P64) adalah berpadanan dari segi 'soil density gradient' dan warna dengan sampel-sampel tanah yang diambil di kawasan rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai ...
>
> Keterangan SP17 mengenai rumusannya tentang sampel tanah, jelas membuktikan secara keadaan bahawa OKT telah pergi ke rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai untuk melupuskan mayat simati dengan membakarnya. SP14 dan SP34 telah menafikan pernah pergi ke kawasan rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai ...

[37] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa keterangan SP17 berkenaan ketumpatan tanah tidak boleh diterima kerana SP17 sendiri tidak dapat menyatakan secara konklusif bahawa tanah yang diperolehi daripada motorsikal perayu adalah sama seperti tanah yang berada di tempat mayat dijumpai. Peguambela juga berhujah bahawa hakim bicara turut gagal mengambilkira fakta bahawa SP14 dan SP34 merupakan orang terakhir dilihat menggunakan motorsikal milik perayu di dalam mengaitkan perayu dengan tempat kejadian.

[38] Berhubung ketumpatan tanah, SP17 memberi keterangan (rekod rayuan Jld 1: ms 124) bahawa:

> Sampel pada mudguard itu match dengan sampel yang saya terima. Peratusan ketepatan, kami tidak kira peratusan tapi secara 'qualitative'. Ujian secara ini hanya pengkelasan secara umum. Tidak ada ciri-ciri individu. la tidak secara 100% conclusive.

[39] Kami bersetuju bahawa SP17 menyatakan ujian ketumpatan itu tidak konklusif namun kami berpendapat hakim bicara tidak khilaf apabila mengambil kira keterangan ketumpatan tanah sebagai salah satu keterangan ikut keadaan yang membantu kes pendakwaan. Di dalam kes-kes yang melibatkan keterangan ikut keadaan, yang penting adalah untuk melihat kepada kesemua keterangan dan tidak hanya kepada satu-satu keterangan secara individu seperti dinyatakan di dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307:

> ... where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner?

[40] Hakim bicara telah menimbang kemungkinan SP14 dan SP34 yang membawa motorsikal perayu ke tempat di mana mayat dijumpai. Hakim bicara telah menerima keterangan SP14 dan SP34 bahawa mereka tidak ke tempat tersebut. Tidak ada alasan untuk kami campur tangan dalam dapatan hakim bicara yang mempercayai keterangan SP14 dan SP34. Lebih-lebih lagi apabila kain batik yang mana penduduk flat mengesyaki SP14 dan SP34 membawa sesuatu di dalamnya, tidak mengandungi DNA profil yang berpadanan dengan profil si mati (lihat eksh P69 di ms 757, rekod rayuan Jld IV).

CEBISAN KAIN PELIKAT

[41] Mengenai cebisan kain pelikat, dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa ia juga tidak boleh dikaitkan dengan perayu kerana cebisan kain itu tidak boleh dicamkan.

[42] Hakim bicara telah menerima keterangan SP35 bahawa beliau telah merujuk satu cebisan kain dari tubuh si mati kepada SP14 dan SP14 telah mengecam cebisan kain tersebut sebagai kain pelikat perayu (rekod rayuan Jld III: ms 305). SP14 sendiri mengesahkan bahawa beliau boleh mengecam kain pelikat perayu. Sekali lagi tidak ada sebab bagi kami untuk mengganggu dapatan hakim bicara yang menerima keterangan SP14 dan SP35 tentang cebisan kain itu.

PERLAKUAN PERAYU

[43] Peguambela bijaksana turut mencabar dapatan hakim bicara yang berikut mengenai perlakuan perayu (rekod rayuan Jld 1: ms 22):

> 'Conduct'/Perlakuan OKT yang menunjukkan tempat-tempat kejadian sebagai tempat-tempat yang relevan bagi menunjukkan pengetahuan OKT tentang

pembunuhan tersebut. Tempat-tempat ini tidak pula ditunjukkan oleh SP14 (Razmin bin Mosum) dan SP34 (Salinah binti Muslimin).

ASP Muhammad Yazid (SP27) didalam keterangannya telah menerangkan akan 'conduct' OKT menunjukkan tempat-tempat kejadian terutamanya kawasan kebun kelapa sawit dan kawasan rumah terbengkalai di Taman Nusa Damai dan keterangan SP34 tentang 'conduct' OKT menunjukkan 'culvert' (rujuk gambar P81) kepada SP35 adalah relevan.

[44] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa hakim bicara khilaf apabila menggunapakai s 8 Akta Keterangan 1950 dengan menyatakan bahawa perayu telah memandu arah pihak polis ke tempat kejadian walaupun tempat kejadian tersebut telah dijumpai oleh pihak polis terlebih dahulu.

[45] Kami tidak bersetuju dengan peguambela bijaksana. Kami mendapati bahawa hakim bicara tidak khilaf dalam mengambilkira perlakuan perayu sebagai relevan berdasarkan keterangan SP27 yang berikut (rekod rayuan Jld II: ms 218, 222–223):

Suspek telah bawa kami ke 1 lokasi di 1 struktur bangunan yang terbengkalai di Jalan Persiaran Damai, Taman Nusa Damai. Untuk ke sana, kami ke sana, suspek yang memandu arah.

...

Dato' Amir beritahu tentang 1 kes bunuh yang libatkan 1 orang kanak-kanak yang libatkan suspek orang Sabah. Saya diminta untuk bantu siasat, bantu Bukit Aman. Dato' Amir ada maklumkan tentang mayat dijumpai. Saya tidak tahu apa-apa tentang tempat pembunuhan dan mayat dijumpai oleh Dato' Amir.

...

Saya tidak setuju yang bukan OKT yang pandu arah, tapi saya sendiri yang tahu. ...

[46] Dengan pemakaian ujian di dalam kes *Balachandran*, kami mendapati keseluruhan keterangan mengikut keadaan yang ada mencukupi untuk mensabitkan perayu jika dia memilih untuk berdiam diri. Justeru dapatan hakim bicara adalah betul bahawa pendakwaan telah berjaya mewujudkan kes prima facie terhadap perayu.

SAMA ADA PEMBELAAN TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN YANG MUNASABAH KE ATAS KES PENDAKWAAN

[47] Mengenai pembelaan alibi, peguambela bijaksana berhujah bahawa hakim bicara tersalah arah apabila mengenakan beban ke atas perayu untuk membuktikan pembelaan alibinya. Hujahan ini berasaskan dapatan hakim bicara bahawa tidak terdapat keterangan sokongan lain seperti laporan polis ataupun saksi bebas yang lainnya untuk mengesahkan saksi alibi (lihat rekod rayuan Jld 1: ms 32–33).

[48] Di dalam mengemukakan pembelaan alibi, undang-undang menghendaki perayu menyatakan di dalam notis alibi tempat di mana dia berada pada masa dia dituduh melakukan kesalahan dan untuk perayu memberikan nama-nama dan alamat saksi-saksi yang ingin dipanggil bagi membuktikan alibinya (lihat s 402A Kanun Prosedur Jenayah). Kami bersetuju bahawa undang-undang tidak menghendaki perayu mengemukakan keterangan sokongan lain (lihat *Yau Heng Fang v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 335; *Illian & Anor v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421).

[49] Walau bagaimanapun, kami mendapati hakim bicara telah memberi pertimbangan sewajarnya kepada pembelaan alibi perayu. Ini dapat dilihat daripada alasan penghakiman yang berikut (rekod rayuan Jld 1: ms 31–33):

> SD1 mengesahkan bahawa pada 1.3.2012, jam 3.00 petang, OKT ada berjumpa dengannya di rumahnya kerana mahu membaiki motorsikal SD1 yang rosak. Walau bagaimanapun, semasa pemeriksaan balas, didapati keterangan OKT ini (sic) bercanggah dengan keterangan beliau sendiri.
>
> Pemeriksaan Utama
>
> J: Ya, saya tahu Muidin ditangkap pada 1.3.2012. Sebelum Muidin ditangkap dia ada datang jumpa saya jam 3.00 petang. Waktu itu, ibu, bapa ada dirumah. Mereka ada nampak Muidin datang.
>
> Pemeriksaan Balas
>
> Q: Kenapa kamu datang hari ini?
>
> J: Kerana semalam, peguambela ada datang jumpa saya, dan berkata sekiranya ingin melihat Muidin, sebab untuk kes keputusan
>
> Q: Setuju kamu tidak ingat tarikh Muidin ditangkap?
>
> J: Setuju
>
> Q: Kamu tahu bila tarikh Muidin datang berjumpa kamu?
>
> J: Ya, saya ingat. Saya tak dapat ingat hari bulan bila dan tarikhnya
>
> Q: Setuju, kamu ada beritahu pihak polis kamu jumpa Muidin pada 29.2.2013?
>
> J: Ya, saya setuju.
>
> Meneliti kepada jawapan yang diberikan, dia sendiri nampaknya tidak pasti bilakah Muidin datang berjumpa beliau. Seingat beliau, OKT ada berjumpa beliau dalam waktu petang kerana beliau ingat ada terdengar bunyi azan ketika itu. SD1 ditanya sekali lagi kerana pada mulanya SD1 memberitahu OKT berjumpanya jam 3.00 petang sedangkan azan Asar biasanya akan berkemundang selepas jam 4.00 petang. Ini menunjukkan bahawa SD1 kerap menukar jawapan dan jawapan itu bercanggah dengan keterangannya sendiri.
>
> Keterangan SD1 ini jelas tidak menyokong pembelaan OKT yang menyatakan pada 1 Mac 2012 jam lebih kurang 2.00 petang, OKT berada bersama SD1 ...

...

Begitu juga dengan keterangan SD2. ... Malah keterangan SD2 ini turut mengesahkan yang tarikh sebenar dia menemui OKT adalah 29.2.2012 dan bukannya tarikh kejadian kes pada 1.3.2012.

[50] Kami berpendapat hakim bicara tidak khilaf di dalam menilai pembelaan alibi dan kami juga mendapati bahawa pembelaan alibi perayu tidak berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[51] Ketika mengumumkan keputusan di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah menyatakan 'Dirang diumpan oleh Muidin dengan sebiji gula 'strawberry'.' Kami bersetuju dengan peguambela bijaksana bahawa tidak terdapat sebarang keterangan mengenai perayu mengumpan si mati dengan gula-gula *strawberry*. Walau bagaimanapun, dapatan mengenai gula-gula strawberry itu pada pendapat kami tidak menjejaskan keseluruhan dapatan hakim bicara bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu.

[52] Di dalam kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan di ms 815 :

[9] The law on circumstantial evidence, in our opinion, is well settled. There are numerous decisions by the courts in our country as well as other jurisdictions which deal with circumstantial evidence.

Dan di ms 817:

[15] The Federal Court, in *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1967] 1 LNS 18 stated:

> The onus on the prosecution where the evidence is of a circumstantial nature is a very heavy one and that evidence must point irresistibly to the conclusion of the guilt of the accused. If there are gaps in it, then it is not sufficient.

[53] Mengambil pendekatan di atas, kami mendapati bahawa di dalam rayuan ini, tidak terdapat sebarang lompang di dalam kes pendakwaan dan keterangan mengikut keadaan adalah lengkap yang hanya menjurus kepada kebersalahan perayu dan tidak mana-mana orang lain.

[54] Berdasarkan kepada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, kami mendapati sabitan terhadap perayu adalah selamat. Kami dengan itu sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi.

Rayuan perayu ditolak dan sabitan dan hukuman disahkan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed